

PERANCANGAN KEWANGAN NAQLI DAN AQLI

SIRI 23

OLEH
PROF. MADYA
DR. NURADLI
RIDZWAN SHAH
MOHD DALI

Dalam siri lepas, saya telah membincangkan seseorang pelabur yang rasional boleh melabur dalam pelbagai aset pelaburan. Sebagai contohnya, pelabur boleh membeli pelbagai jenis pelaburan seperti saham A, B, C, hartanah, emas, saham amanah, sukuk berbanding dengan melabur dalam satu aset pelaburan sahaja. Proses mempelbagaikan instrumen dan aset pelaburan ini dinamakan diversifikasi atau dalam bahasa kewangan digunakan pepatah ini, "Don't put your eggs in one basket."


Dalam artikel yang lepas juga ada diterangkan berkenaan teori portfolio moden sebagai satu kaedah untuk memantau risiko di samping mengoptimumkan pulangan. Walau bagaimanapun, penerangan yang diberikan hanya sebagai pendedahan kepada pembaca untuk mendalami kaedah yang dicadangkan sebagai asas untuk menjadi pelabur bijak. Penerangan tentang korelasi atau hubungan di antara aset juga diterangkan dalam siri yang lepas. Pelabur disarankan untuk memilih aset pelaburan yang mempunyai korelasi yang rendah untuk mendapatkan impak diversifikasi yang baik.

PELABUR
DISARANKAN
UNTUK
MEMILIH ASET
PELABURAN
YANG
MEMPUNYAI
KORELASI YANG
RENDAH UNTUK
MENDAPATKAN
IMPAK
DIVERSIFIKASI
YANG BAIK.

Di sini, beberapa contoh yang mudah akan diberikan untuk menunjukkan bagaimana pelaburan aset yang mempunyai hubungan yang tinggi boleh menyebabkan kerugian besar bagi pelabur. Pada bulan Januari,

Published on Investing.com: 23/Jan/2024 - 4:06:45 GMT - Powered by TradingView
 YNH Property Bhd, Malaysia, Kuala Lumpur: YNH, 300

RAPD, KUALA LUMPUR
 IMSP, KUALA LUMPUR
 SCIB, KUALA LUMPUR
 SVRI, KUALA LUMPUR
 APBS, KUALA LUMPUR
 WIDA, KUALA LUMPUR



Rajah 1: Carta Saham YNH Property berbanding Rapid Synergy dan Imaspro

pasaran bursa saham ACE telah mengalami penjualan 13 kaunter saham bermodal kecil tertentu. Astro Awani melaporkan pada 19 Januari lalu, kerugian permodalan pasaran dianggarkan sebanyak 7.1 bilion dalam jangka waktu yang singkat menyebabkan ramai pelabur terkesan.

Penjualan beberapa kaunter saham tertentu ini tidak melibatkan keseluruhan pasaran saham kerana ianya adalah sentimen terhadap beberapa saham dan berjangkit kepada saham lain yang bersifat spekulatif. Carta kejatuhan ketiga-tiga saham yang dimiliki oleh seorang pengarah syarikat iaitu Rapid Synergy, Imaspro dan YNH Property diberikan sepertimana di Rajah 1. Untuk makluman, Rapid Synergy merupakan saham yang tidak patuh syariah dan hanya dijadikan contoh kes.

Korelasi antara saham-saham Rapid Synergy, YNH Property, dan Imaspro boleh diukur dengan melihat sejauh mana pergerakan harga saham ketiga-tiga syarikat tersebut berkait rapat. Dalam situasi di mana korelasi adalah positif, seperti dalam kes ini, pergerakan harga saham ketiga-tiga syarikat akan cenderung bergerak seiringan.

Berdasarkan rajah carta, panel kanan menunjukkan, bermula pada akhir bulan Disember 2023, ketiga-tiga syarikat ini mengalami kejatuhan harga yang ketara sehingga 22 Januari 2024. Rapid Synergy jatuh sebanyak 92.19 peratus, Imaspro turun sebanyak 62.89 peratus, dan YNH Property mengalami penurunan sebanyak 82.03 peratus. Kejatuhan ini disebabkan oleh sentimen negatif terhadap pengarah syarikat yang juga merupakan pemegang saham terbesar untuk ketiga-tiga syarikat tersebut.

Apabila saham-saham memiliki korelasi positif yang tinggi, seperti dalam kes ini, pelabur perlu berhati-hati. Ini bermaksud jika salah satu saham mengalami penurunan, kemungkinan besar saham-saham lainnya juga akan turun. Oleh itu, apabila melabur dalam saham yang berkorelasi tinggi, pelabur perlu memahami risiko yang terlibat dan membuat keputusan pelaburan dengan lebih berhati-hati.

Sebagai alternatif kepada mengira korelasi, pelabur boleh melihat carta pergerakan saham bagi ketiga-tiga syarikat tersebut. Melalui carta ini, mereka dapat melihat sejauh mana pergerakan harga saham-saham tersebut berkait rapat dan mengambil langkah-langkah berjaga-jaga jika ada perubahan yang ketara. Ini dapat membantu pelabur untuk membuat keputusan pelaburan yang lebih berinformasi dan mengurangkan risiko yang mungkin timbul akibat korelasi yang tinggi antara saham-saham yang dimiliki.

CELIKMUAMALAH



Ketika saham Rapid Synergy, YNH Property, dan Imaspro mengalami kejatuhan, sentimen penjualan juga menular kepada saham-saham lain yang berkorelasi tinggi. Contohnya, saham Artronic dan Rapid, yang berkorelasi tinggi, turut terjejas. Begitu juga, Artronic memiliki korelasi yang tinggi dengan Widad, dan Sridge berkorelasi tinggi dengan SCIB.

Dalam situasi ini, apabila saham-saham yang satu mengalami penurunan, saham-saham yang berkorelasi tinggi juga cenderung mengikutinya. Oleh itu, pelabur perlu memahami bahawa risiko penurunan boleh menular kepada saham-saham lain dalam kumpulan yang berkorelasi tinggi.


Bagi pelabur, penting untuk sentiasa memantau korelasi antara saham-saham yang dimiliki. Memahami hubungan ini dapat membantu mereka membuat keputusan pelaburan yang lebih bijak dan mengelakkan risiko yang tidak diingini. Menggunakan carta pergerakan saham dan memantau sentimen pasaran juga boleh membantu pelabur untuk mengenal pasti potensi risiko dan peluang dalam pelaburan mereka. Rajah 2 ialah carta perbandingan harga bagi saham Rapid Synergy, Imaspro, YNH Property, SCIB, Widad, APB, dan JSB yang mengalami penurunan disebabkan oleh sentimen penjualan saham yang menular kepada saham-saham yang berkorelasi tinggi.

Bayangkan jika pelabur membeli saham-saham yang berkorelasi tinggi, seperti saham-saham yang terjejas oleh penurunan Rapid Synergy, YNH Property, dan Imaspro. Ini bermaksud jika pelabur memiliki saham-saham tersebut, kemungkinan besar nilainya juga akan turun.

Apabila saham-saham berkorelasi tinggi, seperti Artronic dan Rapid, Artronic dan Widad, serta Sridge dan SCIB, mengalami penurunan, pelabur yang memiliki saham-saham ini mungkin mengalami kerugian. Malah boleh mengalami kerugian yang sangat besar. Oleh itu, sebelum membuat keputusan untuk membeli saham, penting bagi pelabur untuk memahami korelasi antara saham-saham yang berpotensi untuk dimasukkan ke dalam portfolio pelaburan.

Dalam situasi di mana saham-saham berkorelasi tinggi, pelabur perlu mempertimbangkan risiko yang berkaitan dengan penurunan nilai. Sebelum membuat keputusan pelaburan, pelabur disarankan untuk melakukan kajian yang menyeluruh, memahami hubungan korelasi, dan mempertimbangkan keadaan pasaran semasa. Ini membantu pelabur membuat keputusan yang lebih berinformasi dan mengurangkan risiko yang mungkin terjadi.

Memahami korelasi dan melakukan diversifikasi aset pelaburan strategi yang penting untuk mengurangkan risiko dalam pelaburan. Korelasi merujuk kepada sejauh mana hubungan antara pergerakan harga dua atau lebih aset pelaburan. Korelasi positif bermaksud aset-aset itu cenderung bergerak bersama, manakala korelasi negatif bermaksud pergerakan aset-aset itu cenderung berbeza-beza.



Rajah 2: Carta perbandingan harga bagi saham Rapid Synergy, Imaspro, YNH Property, SCIB, Widad, APB, dan JSB yang mengalami penurunan

SETIAP JENIS ASET MEMPUNYAI RISIKO TERSENDIRI. DENGAN MELABUR DALAM PELBAGAI JENIS ASET, PELABUR BOLEH MENGIMBANGI RISIKO TERTENTU DENGAN KESTABILAN DAN PRESTASI YANG BAIK DARI KELAS ASET LAIN.

Justifikasi untuk memahami korelasi dan melakukan diversifikasi termasuk:

- **Pelbagai Risiko:** Setiap jenis aset mempunyai risiko tersendiri. Dengan melabur dalam pelbagai jenis aset, pelabur boleh mengimbangi risiko tertentu dengan kestabilan dan prestasi yang baik dari kelas aset lain.
- **Perlindungan daripada Perubahan Pasaran:** Korelasi yang rendah antara aset boleh memberikan perlindungan daripada perubahan pasaran yang tiba-tiba. Apabila satu saham mengalami penurunan, saham lain yang berkorelasi rendah atau negatif mungkin menunjukkan prestasi yang lebih baik.
- **Peningkatan Kecekapan Risiko-Pulangan:** Dengan diversifikasi, pelabur boleh mencapai perbandingan yang lebih baik antara risiko dan pulangan. Walaupun keuntungan mungkin tidak melonjak dengan cepat, risiko keseluruhan pelaburan dapat dikurangkan.
- **Mengurangkan Kesan Sentimen Pasaran:** Korelasi tinggi di antara aset boleh menyebabkan pelaburan menjadi sangat terdedah kepada perubahan sentimen pasaran

seperti kes yang diterangkan di atas. Dengan memasukkan saham yang mempunyai korelasi yang berbeza, pelabur dapat mengurangkan kesan daripada sentimen pasaran tertentu.

■ **Pengurangan Risiko Khusus**

Aset: Diversifikasi juga membantu mengurangkan risiko khusus aset. Jika ada berita buruk atau peristiwa yang mempengaruhi sesuatu saham, pelabur dengan mempunyai portfolio pelaburan yang telah di diversifikasi, kejatuhan tidak akan terlalu terkesan kepada keseluruhan portfolio pelaburan.

Memahami korelasi dan melakukan diversifikasi merupakan strategi risiko yang penting dalam merancang portfolio pelaburan. Ini membantu melindungi pelabur daripada kejatuhan besar dalam nilai portfolio mereka dan meningkatkan potensi pulangan sambil mengurangkan risiko keseluruhan.

PROFESOR MADYA DR. NURADLI RIDZWAN SHAH MOHD DALI ialah pensyarah di Fakulti Ekonomi dan Muamalat serta Felo Penyelidik, Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam (IFWMI) Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai Negeri Sembilan. Beliau juga adalah Exco Persatuan Muamalat Malaysia (MMA)